

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 5 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1531-MQT2611
Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif dan pendekatan baharu Kerajaan dalam memperkasakan lagi hala tuju TVET bagi melahirkan lebih ramai golongan profesional dan teknikal yang berdaya maju di negara ini dalam mendepani dan memenuhi keperluan perindustrian negara selari dengan perkembangan global dan kesediaan menghadapi teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).
2. PR-1531-MQT2614
Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah masalah bekalan air dan elektrik yang semakin meruncing di Labuan sehingga menjejaskan minat pelabur akan dapat diselesaikan dan status program-program yang akan diadakan di Labuan.
3. PR-1531-MQT2608
Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan iltizam dan kesediaan Kerajaan Persekutuan untuk memperkenalkan lebih banyak alternatif percukaian progresif seperti Cukai Harta Pusaka dan Cukai Keuntungan Modal terlebih dahulu sebelum melaksanakan semula GST, sejenis cukai regresif dalam usaha mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan negara di samping menangani defisit.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 5 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1531-L23006

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah mekanisme yang digunakan bagi membolehkan harga barang asas diturunkan dalam Program Jualan Agro Madani; dan
- (b) sejauh manakah program tersebut mampu dilaksanakan secara meluas dan berterusan khususnya bagi penjual dan peniaga yang perlu menyerap kenaikan kos pengeluaran tersebut.

2. PR-1531-L23835

Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah syor di pihak Kerajaan untuk memperkenalkan pengkelasan pendapatan isi rumah yang baharu bersandarkan klasifikasi pendapatan boleh belanja bersih berbanding klasifikasi berdasarkan pendapatan isi rumah (B40, M40, T20) yang digunakan pada masa ini.

3. PR-1531-L22946

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berapa bilangan pegawai perubatan khususnya dalam bidang pembedahan kardiotorasik dan perubatan keluarga yang kini sedang dalam latihan; dan

- (b) berapa jumlah dana Kerajaan yang telah dibelanjakan untuk biasiswa dan penyediaan prasarana latihan bagi tujuan itu.
4. PR-1531-L24022
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3) memandangkan kajian berkenaannya telah pun selesai sejak Ogos 2022.
5. PR-1531-L23338
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membangunkan industri hiliran minyak sawit dan biojisim di Sabah, terutamanya di daerah Sandakan yang mempunyai kawasan tanaman sawit yang terbesar di Sabah.
6. PR-1531-L24254
Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawawi [Tumpat] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian ada menjalankan kajian dan bercadang untuk mempertimbangkan agar waktu Semenanjung Malaysia ditukar kepada GMT7+ berdasarkan kedudukan geografi dan pergerakan matahari yang sebenar agar rakyat dapat menjalani kehidupan seharian mengikut "*body clock*" sejajar dengan keseimbangan waktu.
7. PR-1531-L23581
Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah bantuan yang telah disalurkan di bawah Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) dan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) sejauh manakah ianya telah membantu para usahawan di luar bandar dan pedalaman Sarawak untuk mengembangkan perniagaan mereka.
8. PR-1531-L23874
Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan halangan yang dihadapi pihak majikan dalam melaksanakan Centralized Living Quarters (CLQ) dan apakah inisiatif pihak Kerajaan dalam membantu majikan seterusnya meningkatkan jumlah CLQ di seluruh negara.

9. PR-1531-L23216
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan. Sejauh mana program ini dapat meningkatkan produktivi (*yield*) sawah padi dan dapat mengelakkan masalah kekurangan beras putih tempatan sejak tahun lepas.
10. PR-1531-L23936
Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi krisis inflasi berikutan MIDF Research menjangkakan unjuran inflasi Malaysia pada tahun ini meningkat kepada 3.2 peratus.
11. PR-1531-L22856
Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terbaharu pelaksanaan secara sepadu pendigitalan perkhidmatan kesihatan di bawah sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) menjelang tahun 2026 dan apakah bentuk penambahbaikan yang sedang dipertimbang susulan perkembangan projek rintis EMR yang telah dilaksanakan di Negeri Sembilan.
12. PR-1531-L23435
Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah peruntukan bagi menyelenggara jalan dan lampu jalan Persekutuan khusus di daerah Manjung dan apakah mekanisme bajet ini diagihkan pada setiap negeri dan daerah.
13. PR-1531-L23157
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapa kos mengambil pembantu rumah di Malaysia lebih mahal berbanding di Singapura dan bagaimana Kementerian merancang untuk mengatasi kos pekerjaan yang tinggi bagi pembantu rumah.
14. PR-1531-L24361
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian terhadap program pengalaman "*Homestay*" yang kini dilihat lesu dan tidak bermaya.

15. PR-1531-L23168

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak Kementerian agar harga jualan komoditi seperti harga getah dan lain-lain komoditi dijual pada harga yang seragam di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

16. PR-1531-L23364

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status permohonan peruntukan untuk menaik taraf pusat Giat MARA berjumlah RM5 juta dan peruntukan berjumlah RM1,050 juta bagi tujuan penyelenggaraan 35 buah TABIKA KEMAS dalam kawasan parlimen Bukit Gantang.

17. PR-1531-L23128

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah respon Kerajaan terhadap prestasi pelaburan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui selari dengan misi dalam pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP).

18. PR-1531-L23399

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan inisiatif yang diambil bagi mempromosikan tarikan pelancongan bagi negeri Kelantan terutamanya di Machang yang mempunyai tarikan pelancongan seperti Taman Eko-Rimba Bukit Bakar dan Kolam Air Panas Tok Bok.

19. PR-1531-L22976

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah lebuh raya bertol dan syarikat konsesi; dan
- (b) berapakah jumlah bayaran kepada syarikat konsesi atas pemberian tol percuma sempena perayaan pada tahun 2022, 2023 dan 2024 dan adakah insentif ini akan diteruskan setiap tahun.

20. PR-1531-L23798
Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan secara terperinci apakah kesan Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR) terhadap komoditi negara termasuk minyak sawit bagi melindungi kepentingan pasaran komoditi tempatan.
21. PR-1531-L23175
Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan prestasi terkini dan hala tuju MARA Digital Mall yang dibuka pada 2015 namun kini sendu kecuali semasa musim kemasukan universiti, merujuk kenyataan "melahirkan usahawan Bumiputera yang melengkapi dan menambah nilai kepada industri bukan semata-mata memberi persaingan kepada usahawan bukan Bumiputera".
22. PR-1531-L23834
Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status pencapaian Inisiatif Pendapatan Rakyat terhadap usaha untuk menoktahkan jumlah isi rumah miskin tegar pada tahun 2023, di samping usaha yang diambil untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin secara mampan dan menyeluruh di seluruh negara.
23. PR-1531-L23260
Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk memanfaatkan dan memperkukuhkan kerjasama antara negeri atau wilayah untuk memajukan industri pelancongan dengan mengambil inspirasi dari model Jepun yang menggabungkan sumber daya tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan/perusahaan sosial serta mempromosikan keunikan budaya tempatan.
24. PR-1531-L23407
Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan statistik terkini pendaftaran Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) mengikut negeri dan apakah langkah khusus yang telah diambil terhadap aspek keselamatan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) termasuk cadangan pelaksanaan audit keselamatan secara berkala mengambil kira risiko ancaman serangan siber dan kemunculan teknologi baharu.

25. PR-1531-L23129
Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan meneroka peluang membangunkan ekosistem bakat yang lestari dan dinamik dalam menarik minat dan mengekalkan sumber tenaga bagi memenuhi keperluan industri memandangkan terdapat kekurangan bekalan tenaga dalam industri berkemahiran tinggi.
26. PR-1531-L22896
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bilakah perdagangan dua hala Malaysia-Indonesia melalui CIQS Tebedu dapat direalisasikan.
27. PR-1531-L22906
Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan untuk mempertimbangkan jalinan kerjasama antara Brunei dengan Malaysia yang akan melibatkan Miri seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ) yang telah dibangunkan untuk mempercepat usaha pembaharuan ekonomi di Sarawak.
28. PR-1531-L23844
Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan perancangan Kementerian untuk mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) khusus mengikut kategori penerima Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP).
29. PR-1531-L22949
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kadar terkini kemiskinan tegar, apakah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menoktahkan miskin tegar pada tahun 2023.
30. PR-1531-L23440
Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci pelan kontigensi segera untuk menampung keperluan bekalan beras jika berlaku kekurangan bekalan beras negara.

31. PR-1531-L23122
Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pengecas kenderaan elektrik setakat Januari 2024, sekiranya jumlah tersebut jauh daripada sasaran iaitu 10,000 unit menjelang 2025, apakah halangan utama kepada masalah ini dan adakah kerajaan sedia mengambil langkah menyemak semula jumlah sasaran pemasangan yang lebih realistik.
32. PR-1531-L23943
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dengan jelas bilakah tarikh kuatkuasa Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan 2022) dan adakah ekosistem KKP telah bersedia untuk melaksanakan akta tersebut yang masih tertangguh sejak diluluskan di Parlimen pada 2022.
33. PR-1531-L22879
Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menangani ketidakseimbangan dan kekangan sumber antara fasiliti awam dan swasta memandangkan 64% pesakit luar adalah dirawat di sektor awam manakala 36% di sektor swasta. Perkara ini menyebabkan kesesakan di fasiliti kesihatan awam dan masa menunggu yang lama untuk mendapatkan rawatan.
34. PR-1531-L23777
Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha dan perancangan Kementerian membantu para petani meningkatkan hasil pertanian di kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor yang menghadapi penyusutan hasil yang ketara.
35. PR-1531-L22827
Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan pihak kementerian untuk menaiktaraf fasiliti-fasiliti kesihatan kerajaan di kawasan Klang untuk menampung keperluan penduduk yang banyak. Apakah status pembinaan Hospital Kapar yang telah dijanjikan pada tahun 2022.
36. PR-1531-L24223
Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah wajar para pesawah padi yang tanahnya bermasalah disarankan membuat pilihan menanam tanaman kontan di tanah bendang tersebut bagi menjana pendapatan.

37. PR-1531-L23293

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan rancangan dan tindakan Kementerian untuk menggalakkan rakyat Malaysia terutamanya anak muda melibatkan diri dalam industri perladangan.

38. PR-1531-L23425

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk kerjasama strategik baharu dengan Kerajaan Negeri dan penggiat pelancongan dan inisiatif di bawah Tahun Melawat Malaysia 2026.

39. PR-1531-L22953

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

(a) kedudukan semasa tahap sosioekonomi Bumiputera berbanding kaum lain dari sudut pemilikan, ekuiti, kadar kemiskinan serta pengangguran; dan

(b) inisiatif baharu yang sedang dirangka bagi melonjakkan lagi tahap sosioekonomi Bumiputera menerusi pelbagai bidang dan sektor agar terus berdaya saing.

40. PR-1531-L23307

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

(a) berapa jumlah perdagangan dan jumlah eksport Malaysia bagi tahun 2023; dan

(b) perbandingan dengan pencapaian pada tahun 2022.

41. PR-1531-L22753

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sasaran kebolehlaksanaan secara jangka panjang bagi program penanaman bawang merah berskala besar yang dilaksanakan di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi memenuhi keperluan pasaran bawang segar tempatan dan apakah bentuk insentif yang disediakan Kementerian kepada para petani yang terlibat.

42. PR-1531-L22972
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah kerajaan bercadang menjadikan industri daging kultur sebagai salah satu alternatif meningkatkan keterjaminan makanan dalam negara.
43. PR-1531-L23160
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terkini mengenai isu diskriminasi yang berlaku di tempat kerja dan apakah usaha Kementerian untuk menangannya.
44. PR-1531-L23397
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status dan perkembangan Projek Taman Industri IBS di Labok, Machang.
45. PR-1531-L22923
Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan menerangkan tahap keberhasilan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dan bagaimana PADU dapat menambah baik pelaksanaan sistem subsidi kepada golongan sasaran.
46. PR-1531-L23951
Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan usaha Kerajaan untuk membangunkan daerah Padang Terap seiring azam Kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar yang masih tinggi di daerah tersebut.
47. PR-1531-L23662
Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan nasib nelayan di Labuan oleh kerana perkara berikut:-
- (a) jarak menangkap ikan bagi nelayan Labuan hanyalah sekitar 3 batu nautika sahaja; dan
 - (b) hampir 60% bekalan makanan mentah seperti ikan dan sayuran datang daripada negeri Sabah dan sekiranya nelayan daripada kawasan Menumbuk, Sipitang, Weston Sabah dan Lawas, Sarawak tidak dapat menghantar hasil tangkapan mereka ke Labuan untuk dijual maka apakah akan terjadi kepada harga makanan mentah di Labuan terutamanya ikan segar.

48. PR-1531-L23724

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah projek perumahan termiskin (PPRT) yang telah diluluskan sepanjang tahun 2023 terutamanya di kawasan Pitas, Banggi dan Kudat. Apakah langkah Kerajaan untuk mempercepatkan proses penyaluran bantuan perumahan kepada mereka yang berkeelayakan serta menyelesaikan isu titian di kampung persisir pantai yang terlalu usang.

49. PR-1531-L23380

Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian setelah Klinik Kesihatan Ketereh ditamatkan perkhidmatan secara sementara pada 15 Januari 2024 akibat daripada kerosakan bangunan tidak selamat untuk digunakan memandangkan seramai 37,240 pada tahun 2022 menggunakan klinik ini dan merupakan Klinik Kesihatan Utama di selatan daerah Kota Bharu.

50. PR-1531-L23212

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status terkini bekalan dan harga runcit bawang merah di pasaran tempatan, berikutan larangan import oleh India, sama ada bawang yang diimport dari Pakistan, China dan Thailand dapat memenuhi keperluan pasaran tempatan kita. Apakah perancangan Kementerian untuk penanaman bawang tempatan.

51. PR-1531-L23413

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian melonjakkan kuasa lunak (*soft power*) Malaysia menggunakan seni dan budaya yang ada pada negara kita.

52. PR-1531-L22770

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status kemajuan bagi penyiasatan terhadap pendakwaan kewujudan kartel di dalam industri beras dan apakah langkah kontingensi yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan pasaran beras yang adil dan saksama.

53. PR-1531-L23343

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian telah mengenal pasti golongan petani di seluruh negara yang terjejas akibat banjir Monsun Timur Laut serta jumlah peruntukan bantuan langsung dan tidak langsung yang telah disalurkan kepada mereka.

54. PR-1531-L22873
Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah peratusan jumlah pelajar perempuan di sekolah yang telah menerima suntikan vaksin HPV sepanjang lima tahun yang lepas dan apakah langkah mitigasi yang sedang diambil untuk memberi vaksin tersebut kepada pelajar yang tercicir sewaktu pandemik COVID-19.
55. PR-1531-L23318
Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan memandangkan dua lampu isyarat di lebuh raya kawasan Pekan Changlun menyebabkan kesesakan lalu lintas yang sangat serius, adakah Kementerian bercadang untuk membina jejambat (*flyover*) dari lokasi lampu isyarat pertama (di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun) sehingga ke simpang empat, jalan menuju ke Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok.
56. PR-1531-L24147
Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah pencapaian projek buluh yang termasuk dalam senarai tanaman hutan perladangan (*forest plantation*) dan bagaimana status terkini projek penghasilan benih buluh (*bamboo nursery*) di Perak.
57. PR-1531-L22957
Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk melaksanakan harga siling bagi tiket masuk di tempat lawatan seperti zoo dan taman tema memandangkan harga tiket yang mahal termasuk untuk warganegara, sedangkan warganegara sepatutnya menikmati harga yang lebih rendah bagi menggalakkan pelancongan dalam negara.
58. PR-1531-L23439
Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk mengadakan dewan bersalin di Klinik Kesihatan Pengkalan Hulu Perak bagi memudahkan urusan melahirkan bayi kerana kebanyakan ibu bapa di kawasan ini memilih Hospital Baling Kedah untuk urusan kelahiran bayi mereka dan ini menyebabkan kesukaran kepada mereka.

59. PR-1531-L23875

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja asing yang diperlukan mengikut sektor utama dalam negara dan apakah langkah diambil Kementerian dalam meningkatkan keterlibatan pekerja tempatan berkemahiran bagi menggantikan tenaga kerja asing khususnya dalam sektor kritikal seperti pembuatan, perkilangan, pertanian dan perladangan.

60. PR-1531-L22924

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah aktiviti dan program pelancongan yang akan dirancang di kawasan Parlimen Tanjong Manis untuk tahun 2024. Berapa ramai peniaga dan usahawan yang akan mendapat manfaat dari aktiviti atau program ini.

61. PR-1531-L23167

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini bagi cadangan mengenakan penalti sehingga RM30,000 setiap pekerja terhadap syarikat yang membawa masuk pekerja asing namun gagal menyediakan pekerjaan selepas sebulan malah menyenaraihitamkan, menggantung dan membatalkan lesen syarikat tersebut yang menganiaya manusia dan menyebabkan negara hilang pendapatan .

62. PR-1531-L24209

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam menangani isu industri sarung tangan yang berdepan masalah global ketika ini.

63. PR-1531-L23195

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan inisiatif penanaman bawang di Malaysia dan bawang jenis apa yang mampu berbuah di Malaysia.

64. PR-1531-L(5)00219

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah konkrit Kementerian untuk mengendalikan gejala pasca COVID-19 yang berpanjangan atau lebih dikenali sebagai "*Long COVID-19*", yang dialami oleh sebahagian besar penduduk Malaysia; dan
- (b) apakah status penyakit kronik akibat *Long Post COVID-19* bagi tahun 2023 dan jumlah angka kematian.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

65. PR-1531-L23858
Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan punca dan langkah-langkah mengatasi peningkatan kes kanser dalam kalangan kanak-kanak di negara ini.
66. PR-1531-L22837
Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah graduan perubatan setiap tahun:-
- (a) berapa yang mendapat jawatan *house officer* (HO) di hospital-hospital Kerajaan; dan
 - (b) jumlah graduan perubatan yang memilih untuk mendapat kerja di luar negara setiap tahun dari 2010 hingga sekarang. Apakah trendnya.
67. PR-1531-L23027
Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status kerja penurapan jalan Persekutuan di negeri Sabah yang mengalami kerosakan teruk dan sering menyebabkan kemalangan jalan raya yang meragut nyawa seperti diperuntukkan sebanyak RM157.8 juta tahun 2023.
68. PR-1531-L24141
Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menangani permasalahan kawasan tanaman getah yang tidak bertoreh seluas 425,000 hektar dan ini menjejaskan Keluaran Kasar Dalam Negara (KDNK) sekitar RM2.3 bilion, isu ini.
69. PR-1531-L22880
Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan isu kesihatan mental merujuk kepada Teras yang ke-8 di dalam Dasar Keselamatan Negara 2021-2025, iaitu mengenai keselamatan rakyat, memperkukuhkan kesihatan minda dan ketahanan rakyat. Apakah status tahap Kesihatan mental rakyat kini dan apakah inisiatif-inisiatif yang akan dilakukan Kerajaan dalam menangani isu yang akan mempengaruhi sosio-ekonomi negara jika tidak dibendung.

70. PR-1531-L23406

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimana Kementerian akan menambah baik kaedah, sistem atau SOP bagi permohonan peruntukan senggaraan dan pembaikan perabot jalan untuk JKR Negeri dan JKR Daerah kerana papan tanda dan lampu isyarat yang rosak akibat kemalangan tidak dapat dibaiki dengan segera untuk mencegah kemalangan berulang.

71. PR-1531-L23920

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan khusus bagi menaik taraf Kuarters Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh, Kelantan khususnya melibatkan pembaikan dan penyelenggaraan yang sangat memerlukan tindakan segera.

72. PR-1531-L22936

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa peratuskah penduduk Parlimen Tanjong Manis yang sudah berdaftar dengan sistem PADU. Apakah masalah yang dihadapi dan bagaimanakah langkah-langkah untuk menyelesaikannya.

73. PR-1531-L22947

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) perincian kadar pendaftaran rakyat terhadap Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) mengikut negeri dan daerah khususnya di kawasan luar bandar; dan
- (b) kaedah sekiranya ada golongan sasaran yang layak mendapat subsidi namun tidak mendapat subsidi atas sebab kelewatan mendaftar atau tidak mempunyai akses secara dalam talian untuk mendaftar.

74. PR-1531-L22952

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tahap kesediaan Kementerian dalam menghadapi kemajuan teknologi Artificial Intelligence (AI) terutamanya melibatkan isu pengangguran apabila lebih banyak pekerjaan bakal diambil alih oleh teknologi.

75. PR-1531-L23493

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah sasaran menamatkan kemiskinan tegar menjelang akhir tahun 2023 telah dicapai; dan

- (b) jika tidak tercapai, sila nyatakan pecahan terkini bilangan isi rumah miskin tegar mengikut negeri dan kaum sehingga kini.
76. PR-1531-L24184
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan keterjaminan kebajikan pekerja gig, terutama dalam sektor e-hailing dan p-hailing di negara ini khususnya dalam kadar upah dan apakah perkembangan penubuhan sekretariat pengurusan dan kawal selia perkhidmatan p-hailing ini; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk melesenkan syarikat p-hailing, sebagai antara langkah jaminan terhadap kebajikan pekerja.
77. PR-1531-L23804
Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimana Kementerian menangani isu kekurangan dan kenaikan harga beras dan keperluan asas lain yang dilihat seperti tiada kawalan dan apakah perancangan Kementerian dalam mengawal setiap kenaikan ini.
78. PR-1531-L22855
Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi memastikan bekalan serta harga makanan hasil laut dan sayur-sayuran tidak terjejas akibat fenomena hujan lebat dan banjir pada setiap hujung tahun.
79. PR-1531-L24003
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan laporan sebenar dan berapa hasil pelaburan yang sudah masuk ke negara kita setelah hasil lawatan ke sembilan buah negara.
80. PR-1531-L24102
Puan Hajah Salmiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-
- (a) adakah formula menoktahkan kemiskinan tegar telah berjaya dinoktahkan sehingga hujung tahun 2023; dan

- (b) statistik mengikut negeri bermula tahun 2021 sehingga 2023 kadar kemiskinan yang telah berjaya dinoktahkan.

81. PR-1531-L23808

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menjadikan Sarawak dan Sabah sebagai jelapang padi negara yang kedua. Dan adakah terdapat inisiatif khusus yang dilakukan untuk meningkatkan hasil padi di kedua-dua negeri tersebut.

82. PR-1531-L23686

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah pengeksportan durian ke 5 negara utama pembeli durian Malaysia dari tahun 2017 hingga 2023 dengan nyatakan jumlah tan matrik nilai eksport. Adakah Kementerian berusaha menembusi pasaran baru untuk durian Malaysia.

83. PR-1531-L24040

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk menangani lambakan pasaran produk kosmetik yang mana kandungan bahan membahayakan kesihatan dan kulit pengguna.

84. PR-1531-L24130

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha untuk menaik taraf Jambatan Lubok Jong serta usaha mengatasi kesesakan terutama berdekatan Jalan Masjid Lubok Jong dalam Parlimen Rantau Panjang.

85. PR-1531-L24067

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan isu sekuriti data peribadi sistem PADU yang banyak dipertikaikan rakyat:-

- (a) langkah jaminan Kerajaan untuk tidak akan sama sekali membocorkan maklumat peribadi rakyat; dan
- (b) setakat ini berapa jumlah pemohon yang telah berdaftar dalam sistem PADU.

86. PR-1531-L22908

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah jaminan Kementerian terhadap potensi pelanggaran keselamatan terhadap data peribadi rakyat menerusi sistem Pangkalan Data Utama (PADU) ini dan adakah *disposable income* merupakan konsep yang tepat dalam pelaksanaan rasionalisasi subsidi ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**1. Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah akan mencadangkan:**

“BAHAWA pada Rabu, 28 Februari 2024, semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja, Yang Berhormat Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan, Ahli Parlimen Tasek Gelugor telah mengeluarkan kenyataan bahawa *“Korup itu maksudnya menyalahgunakan kuasa. Ampun Tuanku, orang itu yang menyalahgunakan kuasa itu akan menghadap Tuanku setiap minggu sebelum Mesyuarat Kabinet.”*. Dengan itu, secara tersiratnya, Yang Berhormat Tasek Gelugor telah mendakwa bahawa YAB Perdana Menteri, Ahli Parlimen Tambun sebagai seorang pemimpin yang menyalahgunakan kuasa.

BAHAWA Yang Berhormat Tasek Gelugor telah mengeluarkan sangkaan jahat ke atas YAB Perdana Menteri, Ahli Parlimen Tambun walaupun Tuan Yang di-Pertua telah berulang kali mengarahkan supaya tidak membuat kenyataan sedemikian.

BAHAWA Yang Berhormat Tasek Gelugor telah menggunakan nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi mempengaruhi Majlis Mesyuarat.

BAHAWA kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor merupakan satu dakwaan yang sangat serius dan menyalahi hak dan keistimewaan sebagai Ahli Parlimen serta merupakan satu penghinaan kepada Dewan ini.

MAKA INILAH DIPERSETUJUI BAHAWA Yang Berhormat Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan, Ahli Parlimen Tasek Gelugor hendaklah digantung daripada perkhidmatan Majlis Mesyuarat selama 6 bulan dari tarikh keputusan usul ini diluluskan.”

2. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam] akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.”"

Menyambung semula perbahasan atas masalah (4 Mac 2024)

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 3. | (D.R 38/2023) | Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R 41/2023) | Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 5. | (D.R 39/2023) | Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Pendidikan Tinggi] | |
| 6. | (D.R 37/2023) | Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 7. | (D.R 35/2023) | Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |
| 8. | (D.R 1/2024) | Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 9. | (D.R 2/2024) | Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |

10. PR-1531-U(27)308

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

[Menteri Kewangan]

11. PR-1531-U(27)309

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1531-U(27)310

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1531-U(27)311

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

[Menteri Luar Negeri]

14. PR-1531-U(27)312

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

[Menteri Sumber Manusia]

15. PR-1531-U(27)313

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

16. PR-1531-U(27)314

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyediakan satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasakan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

[Menteri Kewangan]

17. PR-1531-U(27)315

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

18. PR-1531-U(27)316

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

19. PR-1531-U(27)317

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1531-U(27)318

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Komunikasi]

21. PR-1531-U(27)319

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

[Menteri Pengangkutan]

22. PR-1531-U(27)320

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1531-U(27)321

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barangan pada masa ini."

[Menteri Kewangan]

24. PR-1531-U(27)322

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu- bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 32	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2022	5 Mac 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
05.03.2024 (Selasa)	1. YB Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah (Paya Besar)	1. Perancangan Utama Sistem Saliran Kawasan Banjir di Parlimen Paya Besar 2. Naik Taraf, Penyelenggaraan dan Baik Pulih Jalan Persekutuan di Paya Besar	1. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air 2. YB Menteri Kerja Raya
	2. YB Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad (Bagan Serai)	3. Keadaan Jalan Raya di Jalan Persekutuan FT 147 Alor Pongsu 4. Baik Pulih Infrastruktur Kuarters Perumahan Polis Diraja Malaysia di Ibu Pejabat Polis Daerah Kerian	3. YB Menteri Kerja Raya 4. YB Menteri Dalam Negeri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**